



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(38)
Ruj Tuan/ Our Ref:

Tarikh : 23 Ogos 2016

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SIRI 3/2016

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

- 1. (a) JAWATAN : PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q41**
- (b) PENEMPATAN:** Bahagian Biodiversiti Hutan
- (c) PROJEK :** *Improving Connectivity in the Central Forest Spine Landscape (IC-CFS)*
- (d) TARAF JAWATAN :** Kontrak
- (e) JADUAL GAJI:** RM 2,146.00 (Minimum) – RM 8,718.00 (Maksimum)
- (f) IMBUHAN :**
- | | | |
|--------------------------|---|----------|
| (i) Tetap Khidmat Awam | : | RM300.00 |
| (ii) Tetap Perumahan | : | RM300.00 |
| (iii) Bantuan Sara Hidup | : | RM300.00 |

(g) SYARAT LANTIKAN :

Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2,146.00); atau
- (iv) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2,353.44); atau

- (v) Ijazah Sarjana dalam bidang sains yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2,664.78); atau
- (vi) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Q41 : RM2,976.11)

(h) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(i) SYARAT TAMBAHAN

- (i) Calon haruslah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang pemuliharaan, pengurusan sumber asli mampan atau pengurusan alam sekitar;
- (ii) Berupaya menjalankan penyelidikan berasaskan biologi dan ekologi;
- (iii) Calon haruslah mempunyai kemahiran komputer dan kemahiran statistik;
- (iv) Calon yang mempunyai pengalaman dalam projek dibawah UNDP atau mana-mana projek luar serta mempunyai pengetahuan mengenai prosedur dan amalan oleh UNDP dan negara Malaysia adalah satu kelebihan; dan
- (v) Mempunyai pengetahuan dan pemahaman dalam pemuliharaan, pengurusan mampan sumber asli atau isu-isu alam sekitar di Malaysia.

(j) SKOP TUGAS

- (i) Penyelidikan dan sokongan teknikal - Membantu dalam penyeliaan, pemantauan dan pengurusan aktiviti penyelidikan di makmal dan di lapangan termasuklah kerja-kerja pengutipan data, merekod data, melaksanakan analisis berkaitan projek penyelidikan, penyediaan laporan kemajuan dan pembentangan projek, draf kertas kerja penyelidikan serta tugas-tugas yang diperlukan bagi memenuhi keperluan projek;
- (ii) Membantu penyediaan pelan pengurusan, laporan kemajuan, prosiding bengkel atau persidangan dan lain-lain laporan apabila diperlukan; dan
- (iii) Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran seperti merancang dan menyelaras perolehan perkhidmatan dan barang, membantu dalam merancang mesyuarat, perundingan dan program pembangunan kapasiti serta lain-lain tugas.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 13 September 2016 (selasa)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

No. Kotak:No. Dokumen: 10193256